

NALOL TABLET

Propranolol HCl (10mg,40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Nalol Tablet.
2. Bagaimana Nalol Tablet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Nalol Tablet.
4. Cara menggunakan Nalol Tablet.
5. Semasa menggunakan Nalol Tablet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Nalol Tablet
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Nalol Tablet

Rawatan tekanan darah tinggi, penyakit jantung koronari, degupan jantung tidak teratur, pencegahan sakit kepala akibat *migraine* dan *pheochromocytoma* (Sejenis tumor pada tisu kelenjar adrenal).

Bagaimana Nalol Tablet berfungsi

Propranolol HCl tergolong dalam kumpulan penyekat beta. Ia bertindak terutamanya pada reseptor adrenergik beta di jantung dan lain-lain bahagian badan. Ini akan menghasilkan penurunan tekanan darah.

Sebelum mengambil Nalol Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi kepada Propranolol HCl atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Jika anda menghidapi asma.
- Jika anda menghidapi penyakit kencing manis.
- Jika anda mengalami sekatan jantung.
- Jika anda mempunyai kadar jantung yang rendah.
- Jika anda mengalami asidosis.

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor:-

- Jika anda mengandung
- Jika anda merancang untuk mengandung.
- Jika anda menghidapi penyakit buah pinggang.
- Jika anda menghidapi masalah hati.
- Jika anda mempunyai sejarah kegagalan jantung dan lain-lain penyakit jantung.
- Jika anda merancang untuk menjalani pembedahan.
- Jika anda menghidapi penyakit tiroid

Jika Mengambil ubat- ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkkan diambil bersama dengan Nalol Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubatan berikut:-

- Penyekat-beta yang lain
- Ubat penurunan tekanan darah yang lain.
- Ubat-ubat lain untuk rawatan jantung
- Digoxin

Cara menggunakan Nalol Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amaan yang disyorkan.

Dos harian yang anda ambil bergantung kepada keadaan anda.

Dos permulaan biasa bagi dewasa adalah 10mg. Dos harian yang biasa adalah antara 30mg hingga 240mg secara dos terbahagi.

Bila perlu digunakan

Nalol Tablet perlu diambil setiap 8-12 jam sebelum makan. Kekerapan dos akan ditentukan oleh doktor bergantung kepada keadaan anda. Telan tablet secara menyeluruh dengan air.

Berapa lama perlu digunakan

Iikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktunya untuk dos seterusnya.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

Semasa menggunakan Nalol Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Nalol Tablet mengikut arahan doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah pening, ruam dan penat.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-kesan lain semasa pengambilan ubat ini

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 0378835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Nalol Tablet

Penyimpanan

MAL19973020A (10mg)
MAL20051306AS (40mg) Simpan pada atau bawah suhu 25°C

MAL19870021A (40mg)
Simpan pada suhu di bawah 30°C

Pelupusan

Jangan buang ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubatan

NALOL TABLET

Propranolol HCl (10mg,40mg)

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

(40mg) MAL20051306AS & MAL19870021A

Tablet bulat, berwarna merah berserta skor pada satu permukaan.

(10mg) MAL19973020A

Tablet bulat, berwarna kuning, convex berserta skor pada satu permukaan dan "S.W." pada permukaan lain.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Propranolol HCl
- Bahan tidak aktif
Magnesium stearate, starch, lactose, Quinoline Yellow 30 E (Nalol 10 mg),
Ponceau 4R (Nalol 40 mg).

Nombor MAL

Propranolol 10 mg MAL19973020A

Propranolol 40 mg MAL19870021A dan
MAL20051306AS

Pengilang

(MAL20051306AS)

Sunward Pharm PTE.LTD

No.11, Wan Lee Road,

Jurong 2262,

Singapore.

(MAL19973020A and MAL19870021A)

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17 Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

9,11 & 17, Jalan Kempas 4,

Taman Perindustrian Tampoi Indah,

81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

17/09/2014

Nombor Siri :

BPFK(R4/1)080914/00008